

11/05/1998

Kaji dasar IMF terhadap penerima

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH, Ahad - Malaysia menegaskan pentingnya Kumpulan 15 (G15) mengkaji secara kritis dasar atau pendekatan yang dikenakan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) terhadap penerima bantuan bagi mengelakkan sesebuah negara mengalami masalah kewangan yang lebih rumit.

Membentangkan kertas dasar pada mesyuarat peringkat menteri luar negara G15 di sini, semalam Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberitahu persidangan itu bahawa sebarang pendekatan dasar perlu mengambil kira dimensi sosial khususnya kemungkinan meningkatnya masalah pengangguran, kemiskinan dan penurunan taraf hidup di sesebuah negara penerima bantuan.

Oleh itu, IMF perlu mengambil kira soal jangka masa yang hendak dilaksanakan, pendekatan mengikut susunan dan keadaan di samping menilai bentuk masalah yang dialami oleh negara berkenaan.

Jika masalah itu tidak diberi penilaian rapi, mungkin pendekatan yang digunakan akan menyebabkan masalah lebih rumit, katanya ketika membentangkan kertas dasar bertajuk Krisis Asia Timur - Punca, Tindak Balas Dasar, Pengajaran Dan Isu.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Abdullah berkata, pandangan Malaysia mendapat sokongan positif daripada negara anggota G15.

Mereka bersetuju supaya perakuan daripada kertas dasar itu dikemukakan kepada ketua negara dan kerajaan pada sidang puncak G15 kelapan bermula esok.

Sidang puncak itu akan dirasmikan Presiden Hosni Mubarak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini dalam lawatan rasmi tiga hari ke Mesir, akan menghadiri sidang berkenaan.

Abdullah berkata, penerimaan pandangan Malaysia berasaskan kebimbangan negara anggota G15 terhadap kemungkinan merebaknya masalah yang sama ke negara mereka.

Bagi mengelakkan masalah pasaran kewangan berjangkit ke negara lain, mereka mahu tindakan sesuai diambil.

Mereka juga mahu memastikan wujudnya kestabilan dalam pasaran kewangan, katanya.

Abdullah berkata, pada masa ini, pergerakan modal jangka pendek turut menjadi satu faktor yang menimbulkan masalah kepada sesebuah negara.

Ada pandangan mengenai tindakan yang perlu diambil untuk memulihkan ekonomi negara yang bermasalah. Soalnya apakah tindakan itu perlu menggunakan pendekatan yang sama untuk menangani masalah di semua negara terbabit, katanya.

Menurutnya IMF tidak boleh memberi penyelesaian yang sama kepada semua keadaan. Malaysia mencadangkan supaya situasi sesuatu negara itu dikaji secara halus sama ada membabitkan masalah sosial, sistem di negara berkenaan dan pengalaman politik negara itu sebelum sebarang tindakan boleh dicadangkan untuk membantu negara berkenaan.

Ini bertujuan mengelakkan kesan sampingan yang boleh merumitkan keadaan ekonomi apabila ia digunakan oleh badan yang bertanggungjawab memulihkan ekonomi sesebuah negara.

Ditanya mengenai keberkesanan tindakan seperti itu, Abdullah berkata: "Kita tidak boleh mengharap pendirian yang diambil G15, G24 atau Dialog Asean-Eropah boleh menghasilkan tindakan yang boleh memberi penyelesaian serta-merta.

"Masalah yang dihadapi adalah krisis kewangan yang tidak mudah diatasi

satu kumpulan saja. Ia memerlukan kerjasama terutamanya negara yang penting, negara perdagangan, negara yang ekonominya besar dan sistem kewangan yang besar.

"Apa yang penting sudah ada satu pendirian di kalangan negara membangun dan juga negara maju bahawa kestabilan pasaran kewangan itu perlu dicapai. Sekurang-kurangnya sudah ada satu pengakuan."

Abdullah berkata, mesyuarat peringkat menteri luar memperakukan untuk menerima Sri Lanka sebagai anggota yang ke-17. Sidang puncak ketua negara dan kerajaan G15 akan membuat keputusan rasmi mengenainya.

(END)